

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada undang-undang baru berkaitan benih yang selaras dengan perjanjian UPOV akan menyusahkan petani tempatan dengan wujudnya sekatan-sekatan terhadap perkongsian benih dengan petani lain, menaikkan harga benih dan meningkatkan kebergantungan pada syarikat benih gergasi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang membangunkan undang-undang berkaitan benih melalui :

- i. **Rang Undang-undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman** yang bertujuan melindungi hak petani dengan memastikan benih-benih tanaman yang berada di pasaran adalah berkualiti, mengikut piawaian yang ditetapkan dan mampu memberikan pulangan hasil yang baik kepada petani; dan
- ii. **RUU Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (PVBT)** yang bertujuan :
 - a. mengelak pertindihan kuasa kepada Akta-akta sedia ada seperti Akta Akses Kepada Sumber Biologi Dan Perkongsian Faedah 2017 (Akta 795) dan Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678);
 - b. mempercepatkan proses pemberian hak pembiahan baka
 - c. melindungi varieti baru yang telah didaftarkan;
 - d. mengiktiraf hasil usaha pembiahan baka yang membangunkan varieti baru; dan
 - e. menambah baik hak-hak petani selaras dengan Konvensyen International Union For The Protection of New Varieties of Plants (UPOV) 1991.

2. Dalam konteks ini, RUU Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan adalah selaras dengan Konvensyen UPOV 1991 di mana ‘biopiracy’ tidak berlaku. Semua pembiahan baka dalam negara dibenarkan untuk menggunakan varieti-varieti yang dilindungi bagi pengeluaran baka-baka baru. UPOV yang merupakan badan antara kerajaan yang diwujudkan setelah *UPOV Convention* 1961 di Paris bermatlamat

SOALAN NO : 15

untuk memajukan sistem perlindungan varieti baru tumbuhan dan menggalakkan pembangunan varieti tumbuhan baru yang memberi manfaat kepada masyarakat.

3. Skop RUU Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan ini hanya melibatkan varieti baru tanaman yang dilindungi di bawah RUU ini dan tidak menyentuh varieti-varieti sedia ada dalam negara. Oleh itu, petani tidak terikat dengan RUU ini bagi benih tanaman yang tidak dilindungi.
4. Kedua-dua RUU ini membenarkan petani kecil untuk menghasil, menyimpan dan bertukar bahan tanaman sesama petani dari varieti yang dilindungi tanpa tujuan komersil mengikut definisi dan syarat yang telah ditetapkan di bawah RUU ini. RUU Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan pula hanya melibatkan varieti baru tumbuhan yang didaftarkan dan tidak menyentuh varieti-varieti sedia ada.
5. RUU Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan memberikan hak yang sama kepada pembiak baka sama ada petani, profesional, usahawan atau syarikat dalam mendaftarkan varieti baru yang dihasilkan. Petani akan mempunyai banyak pilihan dalam memilih benih-benih dari pelbagai varieti baru yang dilindungi dan tidak dilindungi atau varieti sedia ada yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak sama ada individu atau syarikat kecil mahupun syarikat gergasi. Ini membuktikan tiada kebergantungan atau pengawalan oleh syarikat-syarikat gergasi akan berlaku ke atas mana-mana individu yang menjalankan aktiviti pembiakbakaan.
6. Walaupun peningkatan harga benih dijangka akan berlaku kesan daripada kos yang tinggi dalam penghasilan varieti baru, tetapi petani masih mempunyai pilihan dari pelbagai varieti baru di pasaran di samping tiada sekatan untuk menggunakan varieti lama kerana ianya tidak terikat dan tidak dilindungi di bawah RUU dan Akta yang sedang dibangunkan ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan buku-buku teks Sejarah sekolah yang merujuk kepada fakta-fakta sejarah yang betul bahawa Persekutuan Malaya dengan 11 negeri di Semenanjung mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan bahawa Persekutuan Malaysia dibentuk oleh Persekutuan Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura (yang kemudian berpisah pada 1965) sebagai rakan kongsi sama taraf melalui Perjanjian Malaysia pada 16 September 1963.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa fakta berkaitan Perjanjian Malaysia (MA63) sememangnya telah dimasukkan dalam buku teks Sejarah KPM. Fakta-fakta tersebut adalah merupakan fakta yang tepat dan sahih serta telah disahkan oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah sebelum buku teks diterbitkan. Untuk makluman, Perjanjian Malaysia diajarkan di bawah tajuk Pembentukan Malaysia. KPM berpandangan bahawa peristiwa bersejarah seumpama ini perlu dipelajari oleh murid sama ada di peringkat sekolah rendah maupun di peringkat sekolah menengah. Penjelasan sejarah Pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia (MA63) telah dinyatakan mengikut aras dan tahap keupayaan murid.

Sekian, terima kasih.